NO SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
TARIKH	**:**	**27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Kerajaan PH akan diteruskan dan sekiranya tidak nyatakan secara terperinci butiran projek pembangunan dan program termasuk nilainya, yang akan dibatalkan atau ditangguhkan serta rasionalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, susulan penularan wabak COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi global dan harga komoditi yang melanda dunia pada ketika ini, Kerajaan terpaksa mengkaji semula kedudukan fiskalnya termasuk inisiatif yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020. Sehubungan itu, beberapa inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 didapati tidak lagi menjadi keutamaan untuk dilaksanakan dan perlu dikaji semula.

Di samping itu, peruntukan sedia ada diutamakan untuk menampung ruang fiskal serta melaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Perihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Kerajaan akan meneliti semula keperluan untuk melaksanakan projek-projek ini pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.